



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera
26 Ogos 2016**

6.30 SEN SEUNIT UNTUK AGIHAN PENDAPATAN ASW 2020

KUALA LUMPUR : Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.30 sen seunit untuk Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016.

Kadar pengagihan pendapatan ini membabitkan pembayaran berjumlah RM1.146 bilion, yang akan dapat dimanfaatkan oleh lebih 878,000 pemegang unit yang telah melanggan 18.193 bilion unit ASW 2020.

Sehingga 24 Ogos 2016, tabung ASW 2020 telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM1.394 bilion. Daripada jumlah ini, keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM735.83 juta atau 52.8%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat pula menyumbang sebanyak RM451.70 juta atau 32.4% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut. Selebihnya RM206.84 juta atau 14.8% diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan ASW 2020.

Pembayaran pengagihan pendapatan tabung ASW 2020 akan dilaksanakan melalui pelaburan semula dalam bentuk unit secara automatik yang akan dikreditkan ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 September 2016.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASW 2020 menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Semua urusan niaga bagi tabung ASW 2020 di kesemua cawangan dan ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 25 Ogos 2016 sehingga 31 Ogos 2016 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan.

Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan ASW 2020 masing-masing di mana-mana pejabat atau ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 September 2016. Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan akan dihantar mulai pertengahan bulan Oktober 2016.

ASW 2020 merupakan dana ekuiti berharga tetap, di mana 51% daripada saiz yang dibenarkan dibuka kepada masyarakat Bumiputera manakala 49% dibuka kepada masyarakat bukan Bumiputera. Pelaburan di dalam ASW 2020 dibuka kepada warganegara Malaysia berumur seawal enam bulan dan ke atas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Aminah Haji Mahadi

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat

● Tel: 03-2050 5445 ● Faks: 03-2050 5268 ● E-mel: aminah_hm@pnb.com.my

Dikeluarkan oleh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

26 Ogos 2016

Kuala Lumpur

Sebelum melabur dalam ASW 2020, sebaik-baiknya sila baca dan fahami kandungan Prospektus Induk. Prospektus Induk tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2016 dan berakhir pada 29 Jun 2017, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sebelum melabur, pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan prospektus tersebut dan Halaman Serlahan Produk yang boleh diperolehi di pejabat ASNB dan ejennya. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran dan bayaran yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Pelaburan dalam unit amanah adalah tertakluk kepada risiko pelaburan dan lain-lain risiko am seperti yang terkandung di dalam prospektus. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.